

Malaysia akan mohon China lanjut pinjam pasangan panda

Kuala Lumpur: Malaysia akan memohon kepada China untuk melanjutkan tempoh pinjaman pasangan panda gergasi dari negara itu, Xing Xing dan Liang Liang, yang dijadualkan berakhir Mei ini.


Bagi tujuan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan menghubungi Presiden China, Xi Jinping bagi memohon dan mempertimbangkan permintaan berkenaan.

“Saya akan hubungi beliau untuk melihat mekanisme yang boleh dilakukan untuk melanjutkan tempoh panda berkenaan tinggal di Malaysia.

“Sebagaimana diketahui, dengan hubungan hebat kedua-dua negara, saya optimis China akan beri pertimbangan dan sokongan kepada permintaan kita ini,” katanya pada Majlis Sambutan Jubli Intan Ulang Tahun Ke-60 Zoo Negara, di sini, semalam.

Mengikut jadual, pasangan panda terbabit yang dipinjamkan kepada Malaysia pada 2014 dan dilihat sebagai haiwan lambang hubungan diplomatik kedua-dua negara akan berada di negara ini hingga 20 Mei depan.

Mengenai pandangan segelintir pihak yang menyifatkan ke-



Anwar bersama Wan Azizah melihat panda selepas merasmikan Ulang Tahun Ke-60 Zoo Negara di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Fathil Asri/BH)

hadiran panda dari China itu sebagai membazir dan patut dipulangkan, Anwar menjelaskan, Malaysia tidak membayar untuk meminjam haiwan berkenaan.

“Kita tidak bayar panda itu, cuma (kos) penjagaannya. Apa-

bila ditanya kepada orang ramai, mereka berkunjung ke Zoo Negara antara lain ialah nak lihat panda. Kadang-kadang, ada orang cerdik pandai di Kuala Lumpur tidak berminat (ke Zoo Negara) sebab dia boleh pergi China untuk lihat panda.

“Namun, bagi rakyat kebanyakan, mereka rasakan ini saja peluang sekali dan seumur hidup untuk melihat panda. Jadi, saya pertimbangkan dari segi itu,” katanya mengakui kos penjagaan panda memang agak mahal.

“Namun, ini sedikit perbelanjaan yang boleh menyenangkan pengunjung. Jadi, kita kena lihat dari segi itu,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan RM5 juta kepada Zoo Negara, tambahan kepada RM5 juta sumbangan tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat swasta.

Perjanjian Kerjasama Antara-bangsa Konservasi Giant Panda di antara Kerajaan Malaysia dan China melalui Persatuan Pemuliharaan Hidupan Liar China (CWCA), dimeterai untuk tempoh 10 tahun bermula 2014, iaitu tahun ketibaan Xing Xing dan Liang Liang di Malaysia.

Persetujuan China meminjamkan pasangan panda gergasi itu kepada Malaysia adalah sempena ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Setakat ini, pasangan panda itu mempunyai tiga anak, Nuan Nuan yang dilahirkan pada 18 Ogos 2015, Yi Yi dilahirkan 14 Januari 2018 dan Sheng Yi yang dilahirkan pada 30 Mei 2021).

Bagaimanapun, Nuan Nuan telah dihantar pulang ke China pada 2017, diikuti Yi Yi dan Sheng Yi pada Ogos lalu.